

09 SEP 2000

MDC-LUCENT/I

MDC BERGABUNG DENGAN LUCENT TECHNOLOGIES ANJURKAN FORUM TEKNOLOGI

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Lucent Technologies akan bekerjasama menganjurkan "MSC-Lucent Bell Labs Technology Forum 2000" yang pertama yang akan berlangsung di sini pada 7 Nov depan.

Forum itu diadakan bagi membincangkan trend dan isu-isu yang dihadapi oleh industri teknologi maklumat global.

Forum satu hari itu, yang akan membariskan penceramah dan personaliti-personaliti terkemuka telah dicadangkan pada mesyuarat yang diadakan pada bulan Mac lepas antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ben J.M. Verwaayen, naib pengerusi Lucent Technologies Inc, pembekal rumusan dan peralatan telekomunikasi utama dunia.

MDC berkata forum teknologi itu adalah sebahagian daripada sokongan Lucent untuk membantu membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pusat antarabangsa untuk pembangunan teknologi maklumat. -- BERNAMA

LES DVS AA